LAPORAN ANALISIS KAJIAN SOAL SELIDIK PINDAAN HAD UMUR CALON AHLI DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG

Disediakan oleh PYDC



ISI KANDUNGAN

PENGENALAN 2

OBJEKTIF 2

KUMPULAN SASARAN 3

RAKAN KERJASAMA 3

METODOLOGI KAJIAN 3

ANALISIS RESPONDEN 4

Kumpulan Umur Responden
Kaum Responden
Jantina Responden
Kawasan Parlimen

ANALISIS HASIL SOAL SELIDIK 7

Analisis Antara Kumpulan Umur Responden Dengan Pandangan Pindaan Had Umur Calon ADUN

Analisis Antara Kumpulan Kaum Responden Dengan Pandangan Pindaan Had Umur Calon ADUN

Analisis Antara Kumpulan Jantina Responden Dengan Pandangan Pindaan Had Umur Calon ADUN

Analisis Antara Kawasan Parlimen Responden Dengan Pandangan Pindaan Had Umur Calon ADUN

RINGKASAN ULASAN RESPONDEN YANG BERSETUJU 10

RINGKASAN ULASAN RESPONDEN YANG BERSETUJU 12

MAKLUM BALAS PANDANGAN PERTUBUHAN-PERTUBUHAN BELIA PULAU PINANG 14

RUMUSAN 17

LAMPIRAN 18

SENARAI RAJAH

RAJAH 1.1 KUMPULAN UMUR RESPONDEN 4

RAJAH 1.2 KAUM RESPONDEN 5

RAJAH 1.3 JANTINA RESPONDEN 5

RAJAH 1.4 KAWASAN PARLIMEN RESPONDEN 6

RAJAH 2.1 ANALISIS ANTARA KUMPULAN UMUR DENGAN PANDANGAN RESPONDEN 7

RAJAH 2.2 KUMPULAN KAUM DAN PANDANGAN PINDAAN 8

RAJAH 2.3 KUMPULAN JANTINA RESPONDEN DENGAN PANDANGAN PINDAAN 8

RAJAH 2.4 KAWASAN PARLIMEN RESPONDEN DENGAN PANDANGAN 9

RAJAH 3.1 ULASAN RESPONDEN YANG BERSETUJU 10

RAJAH 3.2 ANALISIS ANTARA KUMPULAN UMUR DENGAN ULASAN RESPONDEN YANG BERSETUJU 11

RAJAH 3.3 ULASAN RESPONDEN YANG BERSETUJU 12

RAJAH 3.4 ANALISIS ANTARA KUMPULAN UMUR DENGAN ULASAN RESPONDEN YANG TIDAK BERSETUJU 13

PENGENALAN

Perbadanan Pembangunan Belia Pulau Pinang (PYDC) telah menjalankan satu soal selidik Kempen Umur 18 Jadi Calon terhadap kumpulan sasaran golongan belia yang berumur 15 tahun hingga 35 tahun. Kajian tersebut dilaksanakan dari 8 Disember 2020 hingga 6 Jun 2021. Tujuan soal selidik tersebut adalah untuk mengumpul pandangan golongan belia sama ada setuju atau tidak setuju untuk pelaksanaan pindaan umur calon Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) daripada 21 tahun kepada 18 tahun.

Secara amnya, RUU Pindaan Perlembagaan bagi UNDI 18 telah diluluskan di Dewan Rakyat pada 16 Julai 2019 dan Dewan Negara pada 25 Julai 2019. Tujuan pindaan ini adalah untuk memberi peluang, ruang dan suara kepada anak-anak muda untuk sama-sama berganding bahu mencorakkan demokrasi negara melalui pilihan raya.

Pindaan ini merangkumi :

- Penurunan had umur pengundi daripada 21 tahun kepada 18 tahun serta pendaftaran pemilih secara automatik;
- Penurunan had umur calon ahli Dewan Rakyat daripada 21 tahun kepada 18 tahun;
- Pindaan umur calon Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) daripada 21 tahun kepada 18 tahun (perlu dibawa ke dalam Dewan Undangan Negeri masing-masing untuk pindaan).

Oleh hal yang demikian, hasil soal selidik tersebut akan dibentangkan kepada pihak Kerajaan Negeri Pulau Pinang dalam mesyuarat Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan dan Sidang Dewan Undangan Negeri Pulau Pinang bagi keputusan pelaksanaan pindaan tersebut.

OBJEKTIF

1. Meningkatkan kesedaran sivik antara golongan belia di Pulau Pinang;
2. Memberi peluang kepada para belia untuk menyuarakan pandangan mereka;
3. Mengumpulkan pandangan para belia atas pindaan had umur calon ADUN di Pulau Pinang.

KUMPULAN SASARAN


Soal selidik ini tersasar kepada golongan belia yang berumur 15 tahun hingga 35 tahun.

RAKAN KERJASAMA

- YB ADUN;
- Pertubuhan-pertubuhan Belia Pulau Pinang;
- MPKK Biro Belia;
- Pihak Sekolah, Universiti dan Kolej;
- Pertubuhan NGO;
- Jabatan dan Agensi Kerajaan.

METODOLOGI KAJIAN

- Borang soal selidik diedarkan secara *hardcopy* kepada responden;
- Kajian turut dijalankan secara atas talian (*online*) melalui pautan (https://forms.gle/W7e6WYJXwb3kEbMQ8) bermula pada 8 Disember 2020 hingga 6 Jun 2021;
- Kajian dilaksanakan dalam kalangan belia yang terdiri daripada jabatan dan agensi kerajaan, pelajar, ahli pertubuhan-pertubuhan belia dan orang awam;
- Borang soal selidik merangkumi tiga (3) bahagian iaitu:
  a. Profil responden;
  b. Pilihan pandangan atas pindaan had umur calon ADUN;
  c. Ulasan.
- Perincian soal selidik adalah seperti di Lampiran A.




ANALISIS RESPONDEN

Sepanjang tempoh kempen ini dilaksanakan, seramai 3,620 responden telah berjaya dikumpulkan. Kajian telah melibatkan 3,475 responden yang memenuhi kelayakan dan 145 tidak dimasukkan dalam kajian dengan faktor melebihi usia. Hasil soal selidik ini dianalisis dengan menggunakan aplikasi SPSS.

KUMPULAN UMUR RESPONDEN

Berdasarkan pada Rajah 1.1, kumpulan umur responden terdiri daripada 4 kategori, iaitu di antara 15 tahun hingga 18 tahun; 19 tahun hingga 25 tahun; 26 tahun hingga 30 tahun; dan 31 tahun hingga 35 tahun. Kebanyakan responden terdiri daripada belia yang berumur 15 tahun hingga 18 tahun iaitu 34.9% (1,211 responden) dan berikutnya golongan belia yang berumur 19 tahun hingga 25 tahun dengan 34.3% (1,191 responden). Golongan belia yang berumur 26 tahun hingga 30 tahun menduduki 15.9% (551 responden) dalam kalangan responden manakala bagi belia yang berumur 31 tahun hingga 35 tahun adalah 15.0% (522 responden).


Rajah 1.1 Kumpulan Umur Responden




KAUM RESPONDEN

Merujuk kepada Rajah 1.2, kumpulan kaum responden yang terdiri daripada 4 kategori, iaitu Melayu, Cina, India dan Lain-Lain. Kebanyakan responden adalah golongan kaum Cina yang menduduki peratusan sebanyak 48.1% (1,671 orang) manakala kaum Melayu terdiri daripada 43.7 % (1,518 orang). Seterusnya berikut dengan kaum India yang menduduki peratusan 6.9% (241 orang) dan kaum lain-lain, iaitu 1.3% (45 orang).

Rajah 1.2 Kaum Responden




JANTINA RESPONDEN



Secara keseluruhannya, dalam Rajah 1.3 telah menunjukkan kumpulan jantina responden terdiri daripada 2 kategori, iaitu kumpulan lelaki dan perempuan. Kumpulan lelaki adalah berperatus lebih sedikit berbanding dengan kumpulan perempuan. Peratus responden yang berjantina lelaki adalah 53.5 % (1,859 orang) manakala bagi responden perempuan adalah 46.5% (1,616 orang).

Rajah 1.3 Jantina Responden




KAWASAN PARLIMEN RESPONDEN

Antara 3,475 responden, hanya 1,509 responden yang menawarkan informasi kawasan parlimen mereka. Kawasan parlimen mempunyai paling ramai responden adalah Batu Kawan (11.9%, 179 responden daripada 1,509 responden) dan berikutnya dengan Bayan Baru (11.7%, 177 responden daripada 1,509 responden).


Manakala kawasan parlimen yang mempunyai paling kurang responden adalah Tanjong (2.9%, 44 responden daripada 1,509 responden).

Rajah 1.4 Kawasan Parlimen Responden



ANALISIS HASIL SOAL SELIDIK


Berdasarkan data yang diperolehi, seramai 65.06% ataupun 2,261 orang responden bersetuju bahawa untuk melaksanakan penurunan umur calon ADUN di Pulau Pinang dari 21 tahun ke 18 tahun manakala 1,214 responden (34.94%) pula tidak bersetuju atas pelaksanaan pindaan tersebut.



ANALISIS ANTARA KUMPULAN UMUR RESPONDEN DENGAN PANDANGAN PINDAAN HAD UMUR CALON ADUN

Berdasarkan data yang ditunjukkan dalam Rajah 2.1, kebanyakan responden dalam kalangan belia yang berumur 15 tahun hingga 18 tahun, iaitu 57.9 % (701 responden daripada 1,211 responden) adalah bersetuju atas pindaan had umur calon ADUN Pulau Pinang. Bagi kumpulan belia yang berumur 19 tahun hingga 25 tahun, 69.3 % (825 responden daripada 1,191 responden) adalah bersetuju atas pindaan had umur calon ADUN Pulau Pinang manakala bagi kumpulan belia yang berumur 26 tahun hingga 30 tahun, iaitu 74.0 % (408 responden daripada 551 responden) juga adalah lebih bersetuju atas pelaksanaan pindaan tersebut. Berikutnya kumpulan belia yang berumur 31 tahun hingga 35 tahun yang bersetuju atas pindaan tersebut juga adalah lebih tinggi berbanding yang tidak bersetuju, iaitu 62.6 % (327 responden daripada 522 responden).


Rajah 2.1 Analisis Antara Kumpulan Umur Dengan Pandangan Responden



ANALISIS ANTARA KUMPULAN KAUM RESPONDEN DENGAN PANDANGAN PINDAAN HAD UMUR CALON ADUN

Melalui analisis Rajah 2.2, kebanyakan responden kaum Melayu adalah bersetuju atas pindaan tersebut dan menduduki sebanyak 68.2% (1,035 orang daripada 1,518 orang). Bagi responden kaum Cina, kebanyakan juga adalah bersetuju atas pindaan tersebut dengan peratusan 60.2% (1,006 orang daripada 1,671 orang). Melalui maklum balas yang dikumpul daripada kumpulan responden kaum India, seramai 78.4% responden (189 orang daripada 241 orang) yang bersetuju atas pindaan tersebut manakala kaum lain-lain yang bersetuju juga lebih tinggi berbanding yang tidak setuju, iaitu 68.9 % (31 orang daripada 45 orang).

Rajah 2.2 Analisis Antara Kumpulan Kaum Dengan Pandangan Responden



ANALISIS ANTARA KUMPULAN JANTINA RESPONDEN DENGAN PANDANGAN PINDAAN HAD UMUR CALON ADUN

Kebanyakan responden dalam kumpulan lelaki adalah bersetuju atas pindaan tersebut dengan peratusan sebanyak 69.5% (1,291 orang daripada 1,859 orang). Bagi responden kumpulan perempuan, seramai 60.0% (970 orang daripada 1,616 orang) adalah bersetuju atas pindaan tersebut. Data ditunjukkan dalam Rajah 2.3.

Rajah 2.3 Analisis Antara Kumpulan Jantina Dengan Pandangan Responden




ANALISIS ANTARA KAWASAN PARLIMEN DENGAN PANDANGAN PINDAAN HAD UMUR CALON ADUN

Melalui analisis Rajah 2.4, dapat melihat bahawa perbezaan yang paling ketara atas pandangan responden yang setuju dan tidak bersetuju adalah di kawasan Batu Kawan. Responden yang bersetuju di kawasan Batu Kawan adalah sebanyak 86.6% (155 responden daripada 177 responden).

Selain itu, terdapat juga kawasan parlimen yang mempunyai lebih sikit responden yang tidak bersetuju berbanding dengan responden yang bersetuju. Kawasan parlimen tersebut adalah kawasan Kepala Batas dan kawasan Permatang Pauh. Bagi kawasan Kepala Batas, peratusan responden yang tidak bersetuju adalah sebanyak 51.7%. Manakala bagi kawasan Permatang Pauh, peratusan responden yang tidak bersetuju adalah 51.4%.

Bagi kawasan lain, peratusan responden yang bersetuju adalah lebih tinggi daripada yang tidak bersetuju.

Rajah 2.4 Analisis Antara Kumpulan Kaum Dengan Pandangan Responden



RINGKASAN ULASAN RESPONDEN YANG BERSETUJU


Berdasarkan hasil soal selidik ini, terdapat 1,198 responden yang telah memberi ulasan mereka atas pandangan pindaan tersebut. Antaranya, 512 daripada responden yang bersetuju, manakala 686 daripada responden yang tidak bersetuju. Ulasan yang dikumpulkan daripada responden yang setuju dan tidak bersetuju dapat dibahagikan kepada empat (4) kategori masing-masing.

Bagi responden yang bersetuju, ulasan yang diberi dapat diidentifikasikan kepada empat (4) kategori seperti :

- Memelihara hak belia
- Menggalakkan penglibatan belia dalam politik
- Tanggungjawab Belia
- Perlu memasuki lebih kesedaran politik dalam sistem pendidikan

Kebanyakan responden yang bersetuju iaitu 49.8% (255 responden daripada 512 responden) memberi ulasan bahawa pindaan tersebut adalah untuk memelihara hak belia. Seramai 172 orang responden (33.6%) berpendapat bahawa pindaan ini mampu membolehkan belia bagi melaksanakan tanggungjawab mereka untuk berkhidmat kepada masyarakat. Terdapat juga ulasan yang menyatakan walaupun bersetuju tetapi elemen kesedaran sivik dan politik dalam sistem pendidikan harus diperkuatkan. Ulasan lain seperti meningkatkan penglibatan belia dalam politik juga diberi oleh segelintir responden.

Rajah 3.1 Ulasan Responden Yang Bersetuju




RINGKASAN ULASAN RESPONDEN YANG BERSETUJU

Berdasarkan analisis dengan lebih lanjut antara kumpulan umur dan ulasan responden yang bersetuju, dalam kalangan responden yang berumur 15 hingga 18 tahun, ulasan yang paling banyak diberikan (45.2% : 56 responden daripada 124 responden) adalah untuk memelihara hak belia dan berikutnya adalah pindaan ini mampu membolehkan belia bagi melaksanakan tanggungjawab mereka untuk berkhidmat kepada masyarakat (43.5% : 54 responden daripada 124 responden).

Bagi kalangan responden yang berumur 19 hingga 25 tahun, kebanyakan responden (50.5% : 139 responden daripada 275 responden) memberi ulasan yang memelihara hak belia dan seterusnya berikut dengan ulasan melaksanakan tanggungjawab mereka untuk berkhidmat kepada masyarakat (32.4%: 89 responden daripada 275 responden).

Seterusnya, bagi kedua-dua kumpulan umur 26 hingga 30 tahun dan 31 hingga 35 tahun, ulasan yang banyak diberikan oleh kumpulan responden tersebut adalah juga memelihara hak belia, iaitu 52.5% : 31 responden daripada 59 responden dan 53.7% : 29 responden daripada 54 responden masing-masing.

Rajah 3.2 Analisis Antara Kumpulan Umur Dengan Ulasan Responden Yang Bersetuju




RINGKASAN ULASAN RESPONDEN YANG TIDAK SETUJU

Bagi responden yang tidak bersetuju, ulasan yang diberi juga dapat diidentifikasikan kepada empat (4) kategori seperti :

- Mudah dipengaruhi
- Terlalu muda
- Tidak ada pengalaman
- Tidak matang

Kebanyakan responden yang berpendirian tidak setuju iaitu 46.9% (322 responden daripada 686 responden) berpendapat bahawa belia adalah terlalu muda untuk menglibatkan diri dalam bidang politik. Malah, ulasan lain yang juga banyak diberi oleh responden, iaitu 36.9% (253 responden daripada 686 responden) adalah belia pada usia muda ini tidak matang lagi untuk berurusan tentang politik. Ulasan lain diberikan oleh responden yang tidak bersetuju juga adalah termasuk belia pada usia muda ini mudah dipengaruhi dan tidak mempunyai pengalaman dalam bidang politik.

Rajah 3.3 Ulasan Responden Yang Tidak Bersetuju




RINGKASAN ULASAN RESPONDEN YANG TIDAK SETUJU

Di samping itu, analisis dengan lebih lanjut antara kumpulan umur dan ulasan responden yang tidak bersetuju menunjukkan bahawa ulasan yang paling banyak diberikan oleh kumpulan umur 15 hingga 18 tahun (43.8% : 64 responden daripada 146 responden) adalah terlalu muda dan berikutnya adalah tidak matang (36.9% : 54 responden daripada 146 responden).

Bagi kalangan responden yang berumur 19 hingga 25 tahun, kebanyakan responden yang tidak setuju (43.9% : 127 responden daripada 289 responden) telah memberi ulasan yang menyatakan bahawa belia tidak matang lagi dan berikut dengan ulasan melaksanakan tanggungjawab mereka untuk berkhidmat kepada masyarakat adalah terlalu muda (40.5% : 117 responden daripada 289 responden).

Manakala bagi kumpulan umur 26 hingga 30 tahun dan 31 hingga 35 tahun, ulasan yang banyak diberikan oleh kumpulan responden tersebut adalah terlalu muda (56.4% : 62 responden daripada 110 responden dan 56% : 79 responden daripada 141 responden masing-masing).

Rajah 3.4 Analisis Antara Kumpulan Umur Dengan Ulasan Responden Yang Tidak Bersetuju



MAKLUM BALAS PANDANGAN PERTUBUHAN-PERTUBUHAN BELIA PULAU PINANG

Pihak PYDC telah menerima maklum balas atas pandangan pindaan had umur calon ADUN Pulau Pinang daripada 35 pertubuhan belia di Pulau Pinang. Antaranya, sebanyak 26 buah pertubuhan belia adalah bersetuju atas pelaksanaan pindaan had umur calon ADUN Pulau Pinang manakala 9 buah pertubuhan belia adalah tidak bersetuju atas pindaan tersebut.
Di bawah melampirkan ringkasan maklum balas pertubuhan-pertubuhan belia Pulau Pinang.

SETUJU

1 KELAB BELIA CERGAS PERMATANG TINGGI

Generasi belia harus diberi peluang lebih awal untuk matang dalam politik.

2 KELAB BELIA SIKH BAYAN BARU PULAU PINANG

Dapat memberi peluang kepada golongan belia untuk menyuarakan pendapat mereka.

3 KELAB BELIA WAWASAN BARU KAMPUNG CHANGKAT

Dapat memberi peluang kepada golongan belia untuk mengundi dan terlibat dalam organisasi politik.

4 PERSATUAN BELIA BAKAR KAPOR SEBERANG PERAI

Pada usia ini, golongan belia sudah boleh membuat keputusan yang kritikal serta berpandangan jauh demi agama, bangsa dan negara.

5 YOUNG BUDDHIST ASSOCIATION OF MALAYSIA (YBAM)

Golongan belia senantiasa menjana idea-idea baharu demi pembangunan negara.

6 YOUTH POWER CLUB TASEK GELUGOR

Satu sesi libat urus harus diadakan supaya semua pemegang taruh dapat melontarkan idea yang lebih mendalam.

7 GERAKAN BELIA 4B NEGERI PULAU PINANG

Pendedahan awal perlu diberi kepada golongan belia agar proses demokrasi terus subur di negeri dan negara kita.

SETUJU

8 PERGERAKAN PEMUDA MALAYSIA (YMM) CAWANGAN PADANG KOTA

9 PERGERAKAN PEMUDA MALAYSIA (YMM) NEGERI PULAU PINANG

10 PERGERAKAN PEMUDA MALAYSIA (YMM) NEGERI PULAU PINANG

11 PERGERAKAN PEMUDA MALAYSIA (YMM) CAWANGAN DAERAH TIMUR LAUT

12 YOUTH POWER CLUB BALIK PULAU

13 ANGKATAN BELIA ISLAM MALAYSIA (ABIM)

14 JUNIOR CHAMBER INTERNATIONAL (JCI) BUKIT MERTAJAM

15 KELAB BELIA KAMPUNG DATUK

16 PERSATUAN E- YOUTH

17 JUNIOR CHAMBER INTERNATIONAL BUTTERWORTH CITY (MALAYSIA)

18 KELAB BELIA GEORGETOWN

19 KELAB BELIA HALUAN TAMAN SUNGAI DUA

20 KELAB BELIA SUNGAI ARA

21 KELAB BELIA PERMATANG TOK JAYA

22 KELAB BELIA JELUTONG

23 KELAB BELIA PAYA KELADI MASJID

24 KELAB BELIA INSPIRASI BERJAYA

25 KELAB BELIA ASPIRASI KONGSI

26 KELAB ANAK MUDA BATU LANCHANG

TIDAK SETUJU

1 **MAJLIS BELIA INDIA MALAYSIA CAWANGAN MCCALUM PULAU PINANG**

Golongan belia perlu memantapkan diri terlebih dahulu dari segi pengalaman dan pengetahuan tentang aspek politik.

2 **JUNIOR CHAMBER INTERNATIONAL (JCI) PERAI**

Belia berusia 18 tahun tidak mempunyai pengalaman yang secukupnya tentang politik

3 **MAJLIS BELIA NEGERI PULAU PINANG**

Dibimbangi institusi politik akan goyah sekiranya penglibatan golongan belia dibuat secara tidak matang dan tanpa ilmu.

4 **PERSATUAN BELIA INFINITI**

Terlalu muda untuk mewakili rakyat.

5 **JCI NIBONG TEBAL**

Umur 18 tahun masih tidak cukup matang

6 **KELAB BELIA SUKARELAWAN SEBERANG PERAI**

7 **KELAB BELIA HILIR SUNGAI PINANG**

8 **KELAB BELIA INSPIRASI BANDAR BARU PERDA**

9 **KELAB BELIA MUAFAKAT SHINEVILLE GARDEN**

RUMUSAN

Sebagai rumusan, Kempen Umur 18 Jadi Calon yang telah berjaya mengumpulkan sebanyak 3,475 maklum balas daripada para belia dan seramai 2,261 responden (65.05%) bersetuju untuk melaksanakan pindaan penurunan umur calon ADUN di Pulau Pinang dari 21 tahun ke 18 tahun.

Secara keseluruhannya setiap kumpulan umur yang bersetuju dengan pindaan tersebut telah mencatat peratusan yang melebihi 50% dan kumpulan belia yang berumur 26 tahun hingga 30 tahun adalah antara yang tertinggi, iaitu 70.4%. Seterusnya, kaum Melayu mempunyai bilangan responden yang bersetuju adalah paling banyak iaitu seramai 1,035 responden, manakala kaum India pula mencatat peratusan bersetuju yang paling tinggi iaitu 78.4%. Di samping itu, kumpulan lelaki mempunyai peratusan bersetuju yang lebih tinggi daripada kumpulan perempuan iaitu sebanyak 69.5% manakala kumpulan perempuan adalah sebanyak 60.0% peratusan bersetuju. Kawasan Parlimen Batu Kawan merupakan kawasan yang mempunyai responden yang paling ramai (11.9%).

Selain itu, daripada maklum balas yang diterima oleh Pertubuhan-Pertubuhan Belia Pulau Pinang, terdapat 26 pertubuhan daripada 35 pertubuhan yang bersetuju dengan pindaan ini.

Antara ulasan yang bersetuju menyatakan bahawa generasi belia harus diberi peluang dan pendedahan lebih awal untuk matang dalam politik serta ini merupakan hak belia juga. Bagi pendirian tidak bersetuju, adalah yang menyatakan bahawa belia masih muda dan belum cukup matang untuk menyertai politik oleh kerana masih kurang ilmu dan juga pengalaman dalam dunia politik. Tambahan pula dari aspek pendidikan, ada ulasan menyatakan bahawa belia di lingkungan umur tersebut harus menyambung pembelajaran di institusi pengajian tinggi dan turut terdapat cadangan bahawa sistem pendidikan di Malaysia haruslah merangkumi lebih banyak elemen politik, sivik dan kewarganegaraan.

Konklusinya, pihak PYDC mencadangkan agar Kerajaan Negeri Pulau Pinang dapat melaksanakan pindaan had umur calon ADUN Pulau Pinang dari 21 tahun ke 18 tahun berdasarkan analisis yang telah dibuat melalui hasil soal selidik yang telah dikumpul daripada golongan belia di Pulau Pinang.

LAMPIRAN A

PERINCIAN SOAL SELIDIK

Soal Selidik Pelaksanaan Pindaan Umur Calon Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN)

Latar Belakang	
RUU Pindaan Perlembagaan telah diluluskan di Dewan Rakyat pada 16 Julai 2019 dan Dewan Negara pada 25 Julai 2019	
Pindaan ini merangkumi :	
i) Penurunan had umur pengundi daripada 21 tahun kepada 18 tahun serta pendaftaran pemilih secara automatik	
ii) Penurunan had umur calon ahli Dewan Rakyat daripada 21 tahun kepada 18 tahun	
iii) Pindaan umur calon ahli Dewan Undangan Negeri (DUN) daripada 21 tahun kepada 18 tahun perlu dibawa ke dalam dewan untuk pindaan.	
Setakat ini, negeri yang telah meluluskan pindaan tersebut adalah negeri Kelantan, Perak, Perlis, Sabah, Sarawak dan Terengganu.	
Tujuan pindaan ini :	Memberi peluang, ruang dan suara kepada anak-anak muda untuk sama-sama berganding bahu mencorakkan demokrasi negara melalui pilihan raya.

Tujuan soal selidik ini adalah untuk mengumpulkan pandangan belia sama ada mereka setuju atau tidak setuju untuk pelaksanaan pindaan umur calon ahli Dewan Undangan Negeri (DUN) daripada 21 tahun kepada 18 tahun.

Nama Penuh : _____

No. Kad Pengenalan : _____

Umur : ☐ 15 - 18 ☐ 19 - 25 ☐ 26 - 30 ☐ 31-35

Kaum : ☐ Melayu ☐ Cina ☐ India ☐ Lain-Lain

Jantina : ☐ P ☐ L

Persatuan : _____

Kawasan Parlimen : _____

Pandangan terhadap Pindaan Umur Calon Ahli Dewan Undangan Negeri (DUN) daripada 21 Tahun kepada 18 Tahun.

SETUJU ☐ TIDAK SETUJU ☐

ALASAN /PENERANGAN : _____

LAMPIRAN B

HASIL ANALISIS SOAL SELIDIK SPSS

		UMUR18JADICALON	UMUR	KAUM	JANTINA
N	Valid	3475	3475	3475	3475
	Missing	0	0	0	0
Mean		1.3737	2.1066	1.6584	1.4676
Median		1.0000	2.0000	2.0000	1.0000
Mode		1.00	1.00	2.00	1.00

PANDANGAN

		Frequency	Percent	Valid Percent	Cumulative Percent
Valid	Setuju	2261	65.1	65.1	65.1
	Tidak Setuju	1214	34.9	34.9	100.0
	Total	3475	100.0	100.0	

KAUM

		Frequency	Percent	Valid Percent	Cumulative Percent
Valid	Melayu	1518	43.7	43.7	43.7
	Cina	1671	48.1	48.1	91.8
	India	241	6.9	6.9	98.7
	Lain-lain	45	1.3	1.3	100.0
	Total	3475	100.0	100.0	

JANTINA

		Frequency	Percent	Valid Percent	Cumulative Percent
Valid	Lelaki	1859	53.5	53.5	53.5
	Perempuan	1616	46.5	46.5	100.0
	Total	3475	100.0	100.0	

UMUR

		Frequency	Percent	Valid Percent	Cumulative Percent
Valid	15 - 18	1211	34.9	35.9	35.9
	19 - 25	1191	34.3	34.3	70.2
	26 - 30	551	15.9	15.9	86.1
	31 - 35	522	15.0	15.0	100.0
	Total	3475	100.0	100.0	

LAMPIRAN B

HASIL ANALISIS SOAL SELIDIK SPSS

Crosstab

			UMUR18JADICALON		
			Setuju	Tidak Setuju	Total
KAUM	Melayu	Count	1035	483	1518
		% within KAUM	68.2%	31.8%	100.0%
	Cina	Count	1006	665	1671
		% within KAUM	60.2%	39.8%	100.0%
	India	Count	189	52	241
		% within KAUM	78.4%	21.6%	100.0%
	Lain-lain	Count	31	14	45
		% within KAUM	68.9%	31.1%	100.0%
Total		Count	2261	1214	3475
		% within KAUM	65.1%	34.9%	100.0%

Crosstab

			UMUR18JADICALON		
			Setuju	Tidak Setuju	Total
UMUR	15 - 18	Count	701	510	1211
		% within UMUR	57.9%	42.1%	100.0%
	19 - 25	Count	825	366	1191
		% within UMUR	69.3%	30.7%	100.0%
	26 - 30	Count	408	143	551
		% within UMUR	74.0%	26.0%	100.0%
	31 - 35	Count	327	195	522
		% within UMUR	62.6%	37.4%	100.0%
Total		Count	2261	1214	3475
		% within UMUR	65.1%	34.9%	100.0%

Crosstab

			UMUR18JADICALON		
			Setuju	tidak setuju	Total
JANTINA	Lelaki	Count	1291	568	1850
		% within JANTINA	69.5%	30.5%	100.0%
	Perempuan	Count	970	646	1625
		% within JANTINA	60.0%	40.0%	100.0%
Total		Count	2261	1214	3475
		% within JANTINA	65.1%	34.9%	100.0%

LAMPIRAN B

HASIL ANALISIS SOAL SELIDIK SPSS

PARLIMEN

		Frequency	Percent	Valid Percent	Cumulative Percent
Valid	P41 - Kepala Batas	89	5.9	5.9	5.9
	P42 - Tasek Gelugor	70	4.6	4.6	10.5
	P43 - Bagan	94	6.2	6.2	16.8
	P44 - Permatang Pauh	109	7.2	7.2	24.0
	P45 - Bukit Mertajam	141	9.3	9.3	33.3
	P46 - Batu Kawan	179	11.9	11.9	45.2
	P47 - Nibong Tebal	84	5.6	5.6	50.8
	P48 - Bukit Bendera	117	7.8	7.8	58.5
	P49 - Tanjong	44	2.9	2.9	61.4
	P50 - Jelutong	158	10.5	10.5	71.9
	P51 - Bukit Gelugor	142	9.4	9.4	81.3
	P52 - Bayan Baru	177	11.7	11.7	93.0
	P53 - Balik Pulau	105	7.0	7.0	100.0
	Total	1509	100.0	100.0	

PARLIMEN * PANDANGAN Crosstabulation

Count

		PANDANGAN		
		SETUJU	TIDAK SETUJU	Total
PARLIMEN	P41 - Kepala Batas	43	46	89
	P42 - Tasek Gelugor	40	30	70
	P43 - Bagan	81	13	94
	P44 - Permatang Pauh	53	56	109
	P45 - Bukit Mertajam	83	58	141
	P46 - Batu Kawan	155	24	179
	P47 - Nibong Tebal	59	25	84
	P48 - Bukit Bendera	72	45	117
	P49 - Tanjong	32	12	44
	P50 - Jelutong	81	77	158
	P51 - Bukit Gelugor	95	47	142
	P52 - Bayan Baru	127	50	177
	P53 - Balik Pulau	53	52	105
Total		974	535	1509